

05/06/2002

Islam Pas mirip Deobandisme

Magendran Rajagopal

MALAYSIA lebih mudah memahami perbezaan di antara Islam sebenar dan Islam radikal kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah pemimpin Islam progresif yang cuba menggabungkan kefahaman Islam dengan keperluan masyarakat majmuk moden dalam konteks global.

Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, Barry Desker, berkata kepemimpinan beliau jelas berbeza dengan parti pembangkang fundamentalis, Pas yang menguasai Kelantan dan Terengganu.

Katanya, Islam fahaman Pas mirip kepada amalan Islam Deobandisme di utara India, yang juga menjadi akar umbi membentuk kerajaan Taliban.

Bagaimanapun, kata Desker, hakikat itu tidak perlu dihairankan kerana Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat sendiri pernah didedahkan kepada ajaran Deobandisme ketika belajar di utara India sekitar tahun 1940an.

Beliau berkata, Pakatan global menentang keganasan yang dipelopori Amerika Syarikat terhadap kerajaan Taliban di Afghanistan mungkin berjaya menghapuskan saki baki pejuang Al-Qaeda yang dilindungi negara itu tetapi kehadiran mereka (pengganas) di segenap pelusuk dunia masih menjadi ancaman serius.

Katanya, dianggarkan kira-kira 5,000 pejuang Islam dari Arab Saudi, Mesir, Algeria dan beberapa negara lain dilatih oleh Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden di Afghanistan.

Selain itu, katanya, difahamkan lebih 50,000 pejuang jihad dari 50 negara, yang menjalani latihan di Afghanistan ketika perang menentang Kesatuan Soviet, kini kembali ke tanah air mereka membawa fahaman jihad radikal yang seterusnya disebar di kalangan rakyat Islam negara masing-masing.

"Akibatnya, dunia kini bukan saja perlu menghapuskan rangkaian Al-Qaeda ini, sebaliknya menghadapi tugas getir mengesan dan membendung fahaman Islam radikal yang dipelopori Al-Qaeda, terutama di Asia Tenggara.

"Walaupun penduduk Islam serantau, termasuk Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Brunei dan Thailand tidak pernah dilabel radikal, hubungan beberapa rakyat mereka dengan rangkaian Al-Qaeda tidak boleh dipertikaikan.

"Bagaimanapun keyakinan dunia terhadap kesungguhan negara terbabit menentang keganasan ternyata jelas berdasarkan kerjasama mereka kepada Amerika Syarikat dan tindakan pihak berkuasa negara masing-masing dalam melumpuhkan rangkaian pengganas ini," katanya pada sidang pleno bertema Menggarap Strategi Pertahanan Tidak Langsung Di Asia Tenggara.

Sementara itu, Penyelidik Jabatan Perhubungan Antarabangsa Universiti St Andrews, United Kingdom, Rohan Gunaratna berkata, tumpuan keganasan beralih dari Timur Tengah ke Asia sejak Perjanjian Damai Oslo 1993 ditandatangani antara Israel dan Palestin.

"Asia kini menyaksikan kadar kegiatan pengganas yang tertinggi di dunia berikutan tindakan ketenteraan Amerika Syarikat menentang keganasan selepas 11 September lalu dan pihak perisikan Amerika tidak menolak kemungkinan saki baki pejuang Al-Qaeda kini berlindung di Asia Tenggara.

"Antara lain, kawasan perairan sempadan yang luas serta kekurangan pemantauan membolehkan pengganas ini keluar masuk dengan mudah dengan menggunakan jihad dan perjuangan menegakkan Islam bagi mengabui mata penduduk setempat serta mendapatkan perlindungan mereka.

"Justeru, kekuatan tentera tidak mungkin dapat menangkis ancaman ini,

sebaliknya perang ideologi adalah cara terbaik menentang mereka ini dan pada masa sama, menyedarkan rakyat mengenai Islam sebenar berbanding Islam radikal," katanya.

Katanya, Barat harus menonjolkan imej mereka adalah sahabat kepada Islam dan sasaran mereka adalah anasir yang menyalah guna agama untuk menghalalkan perbuatan ganas semata-mata untuk manfaat peribadi dan bukannya Islam itu sendiri.

Katanya, tindakan pantas pihak berkuasa Malaysia dan Singapura dalam memberkas beberapa pemimpin utama Jemaah Islamiah (JI) menunjukkan kesungguhan Asia Tenggara dalam membendung kegiatan penganas dan rakyat Islam kedua-dua negara nampaknya sudah menerima hakikat itu.

(END)